

MODUL PP

Praktis ke Arah SPM

KERTAS I

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

- 1** Apakah asas bagi pembentukan perlembagaan di negara kita?
A Undang-undang Negeri Melayu
B Majlis Undangan Persekutuan
C Majlis raja-raja
D British
- 2** Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Undang-undang Negari Melayu?
I Raja sebagai pemerintah
II Rakyat memberikan ketaatsetiaan
III Diperkenalkan oleh British
IV Kuasa memilih pemimpin di tangan rakyat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3** Pada zaman pentadbiran British, Negeri-Negeri Selat memperkenalkan undang-undang yang diambil dari England, iaitu Charter of Justice.
 Antara berikut, yang manakah peranan Charter of Justice II (1826)?
A Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang
B Mewujudkan mahkamah di Singapura dan Melaka
C Menyatukan mahkamah di Melaka dan Singapura
D Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang

- 4** Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah badan yang ditubuhkan di Sabah.

Tahun	Badan
1950	Majlis Undangan

- Apakah peranan badan tersebut?
A Menggubal undang-undang negeri
B Memberikan kuasa kepada Gabenor
C Memberikan kuasa pentadbiran kepada Council Negeri
D Melindungi penduduk asal peribumi daripada ditindas

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

- 5** Pembentukan undang-undang dalam sesebuah negara dilakukan oleh badan yang sah dalam perundangan.
 Di Malaysia, apakah badan perundangan yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara?
A Dewan Undangan Negeri
B Kementerian Pertahanan
C Dewan Rakyat
D Parlimen
- 6** Siapakah yang menggubal undang-undang di Negeri-negeri Selat?
A Majlis Negeri
B Majlis Persekutuan
C Majlis Tertinggi British
D Majlis Undangan Negeri
- 7** Antara berikut, yang manakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?
I Kedudukan agama Islam
II Kedudukan bahasa Melayu
III Kedudukan Raja-raja Melayu
IV Kerajaan Persekutuan yang kukuh
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

- 8** Antara berikut, yang manakah ciri tradisional dalam perlembagaan?
A Sistem Demokrasi Berparlimen
B Kerajaan Persekutuan
C Kewarganegaraan
D Bahasa Melayu
- 9** Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia.
 Antara berikut, yang manakah asas kepada sistem demokrasi di negara kita?
A Pilihan raya
B Menteri Kabinet
C Perdana Menteri
D Yang di-Pertuan Agong

10 Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan melalui perlembagaan kuasa pemerintahan sebagai pemerintah tertinggi negara.

Buku
Teks
m/s
28

Antara berikut, yang manakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A Melaksanakan dasar negara
- B Menguruskan hal ehwal negara
- C Melantik jawatan utama negeri
- D Melantik jawatan utama negara

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

11 Mengapakah berlakunya pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963?

Buku
Teks
m/s
30

- A Kemerdekaan Tanah Melayu
- B Singapura keluar dari Malaysia
- C Tanah Melayu bebas daripada British
- D Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura

12 Antara berikut, yang manakah merupakan perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963?

Buku
Teks
m/s
30

- I Bahasa Melayu
 - II Struktur Mahkamah Atasan
 - III Jawatan Yang di-Pertua Negeri
 - IV Hak istimewa orang Melayu dan kaum lain
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV